



SIARAN MEDIA
16 Ogos 2014

HAMPIR 200 PELAJAR KURANG BERNASIB BAIK RAIH KEPUTUSAN CEMERLANG SPM HASIL PROGRAM PENDIDIKAN MAYBANK ISLAMIC.

YAN, SABTU 16 OGOS 2014 : Sejumlah hampir 200 orang pelajar yang menyertai Program Kelas Bimbingan akademik anjuran Maybank Islamic mendapat keputusan cemerlang dengan memperolehi 6A ke atas di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Mukhriz Tun Mahthir dalam kenyataannya berkata, Kerajaan Negeri Kedah menyokong sepenuhnya program seperti ini dan ianya perlu dititik beratkan oleh semua pihak terutama badan-badan korporat demi kejayaan generasi yang akan menjadi pemimpin pada masa akan datang.

“Program-program bantuan akademik seperti ini perlu diperluaskan lagi supaya lebih ramai kanak-kanak terutamanya dari golongan yang kurang berasib baik mendapat keputusan yang lebih cemerlang lebih-lebih lagi dalam peperiksaan SPM yang akan menentukan masa hadapan mereka”, Dato' Seri Mukhriz berkata ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Program Bantuan Pendidikan Maybank Islamic di sini.

Tambahnya, program pendidikan seperti ini juga selaras dengan hasrat kerajaan dalam membangunkan lebih ramai modal insan cemerlang yang akan menjadi pemangkin kepada kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Kelas Bimbingan akademik adalah salah satu program pendidikan Maybank Islamic yang dijalankan dengan kerjasama Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Sebanyak RM1 juta diperuntukkan sebagai pembiayaan program ini.

Tahun lalu, seramai 1,940 pelajar kurang berasib baik terpilih telah mengikuti kelas bimbingan ini yang dijalankan di 23 lokasi (MRSM) di seluruh Negara. Para pelajar ini diberikan pendedahan pembelajaran di MRSM dengan tenaga pengajar terdiri daripada guru-guru serta pelajar cemerlang MRSM sebagai mentor. Ekoran kejayaan para pelajar tersebut mendapat keputusan cemerlang SPM 2013, tahun ini jumlah pelajar ditambah kepada lebih 2,700 orang dan 27 lokasi telah dikenal pasti termasuk dua MRSM di Kedah.

Maybank Islamic juga menyalurkan Bantuan Dana Pendidikan sebanyak RM280,000 kepada sepuluh (10) buah universiti kerajaan yang terpilih di seluruh Malaysia termasuk dua daripadanya di Negeri Kedah, iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Bantuan kewangan ini adalah bagi anak-anak yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi melalui bantuan yuran pembelajaran universiti serta elauan sara diri.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Encik Muzaffar Hisham berkata, Maybank Islamic akan terus komited dalam menjalankan program-program seperti ini pada setiap tahun.

“Kami akan meneruskan program ini di setiap tahun bagi memastikan anak-anak ini tidak terus ketinggalan di dalam pelajaran. Kami percaya dengan bantuan seperti ini mampu memotivasiikan anak-anak ini untuk lebih berjaya dengan keputusan yang cemerlang, walaupun mereka bukan daripada keluarga yang berkemampuan”

“Kami di Maybank Islamic berharap bukan sahaja dapat membantu mereka berjaya dalam peperiksaan SPM, malah akan terus memberi sokongan dan bantuan agar mereka juga berjaya di menara gading, seterusnya mampu merubah taraf hidup keluarga masing-masing”

Bagi Yayasan Pelajaran MARA pula, dengan adanya Program Kelas Bimbingan akademik ini, taraf pendidikan pelajar di luar bandar telah berjaya ditingkatkan bertepatan dengan objektif program ini iaitu membantu pelajar miskin yang berpencapaian rendah dalam pendidikan.

“Program ini juga telah berjaya melonjak prestasi sekolah-sekolah yang terlibat daripada sekolah harian biasa ke sekolah berpotensi tinggi. Program ini telah melahirkan ramai pelajar cemerlang SPM di seluruh Malaysia dan yang lebih membanggakan, pelajar-pelajar tersebut adalah daripada golongan keluarga miskin dan kurang berkemampuan. Secara tidak lansung membuktikan bahawa program Kelas Bimbingan akademik ini telah berjaya mempertingkatkan bukan sahaja taraf pendidikan anak-anak malah taraf kehidupan mereka juga dapat diperbaiki.” ujar Pengerusi Yayasan Pelajaran MARA, Dato’ Haji Yussoff bin Dohab.

Di majlis yang sama juga, Maybank Islamic telah menyumbang RM130,000 kepada kerajaan negeri bagi pembiayaan pembangunan sebelas (11) buah sekolah-sekolah pondok yang berdaftar di bawah kerajaan negeri. Ini merupakan sebahagian daripada sumbangannya untuk pembangunan pendidikan bagi negeri Kedah.

Maybank Islamic Berhad

Maybank Islamic Berhad adalah sebuah institusi kewangan Islam milik Kumpulan Maybank merupakan peneraju institusi perbankan Islam di ASEAN dan Institusi Kewangan terbesar di Malaysia dengan jumlah keseluruhan aset RM132.3 bilion pada tempoh kewangan berakhir Jun 2014. Sebagai sebuah entiti yang beroperasi di atas platform dwi-perbankan, Maybank Islamic dianggap sebagai anak syarikat Kumpulan Maybank yang paling berjaya memanfaatkan infrastruktur serta sumber-sumber milik bank induknya. Dengan rangkaian cawangan tebesar di Malaysia, Maybank Islamic menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada empat (4) juta pelanggan di seluruh Negara. Ia juga terus komited dalam

menawarkan perkhidmatannya serta mengembangkan capaian pelanggannya melalui peningkatan bilangan saluran pengagihan Kumpulan Maybank di seluruh Malaysia, Singapura dan Indonesia. Maybank Islamic mempunyai bahagian pasaran sebanyak 31% daripada pembiayaan Islam dan 25% deposit daripada keseluruhan industri perbankan Islam di Malaysia, sekaligus mencatatkan pertumbuhan asset sebanyak 37% tahun ke tahun.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Hal Ehwal Korporat, Maybank Islamic Berhad
Level 4, Tower A, Dataran Maybank,
1, Jalan Maarof, 59000, Bangsar, Kuala Lumpur
T: 03-22972001 F: 03-2297 2002

Zainiah Zahar 03-2297 2292/012 6895817 |Fadhli Asri ext 4153/017 9300395